

Sempena genap setahun Kerajaan Perpaduan

Kepemimpinan transformatif serlah kewibawaan Anwar teraju negara

- Empat ciri utama kepemimpinan transformatif ialah memupuk pengaruh ideal, menyediakan motivasi inspirasi, membina rangsangan intelektual dan menunjukkan pertimbangan individu

- Kekuatan kepemimpinan transformatif membolehkan Anwar mampu melakukan banyak perubahan struktural berkaitan ekonomi, politik dan sosial negara dalam tempoh 12 bulan

Oleh Prof Madya Dr Mohd Azhar Abd Hamid dan Prof Datuk Dr Kassim Thukiman
bhrencana@bh.com.my



Hari ini, genap setahun Datuk Seri Anwar Ibrahim di tampuk kuasa sebagai Perdana Menteri Ke-10 atau PMX. Begitulah gelaran diberikan sebahagian rakyat terhadap Presiden PKR merangkap Pengerusi Pakatan Harapan (PH) itu.

Sebelum mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri, terlalu banyak onak dan ranjau dilalui Anwar. Boleh dikatakan 25 tahun Anwar menanti saat beliau menerajui kepimpinan negara.

Dua setengah dekad Anwar menghadapi tentangan politik dari luar dan dalam partinya sendiri, dipenjarakan 11 tahun dan berdepan pengkhianatan tidak pernah mematahkan tekad perjuangannya dalam politik.

Sebelum ini, ramai pesimis adakah Anwar mampu melepasi tempoh 12 bulan memimpin negara. Bahkan, pembangkang - Perikatan Nasional (PN) amat yakin dan menjangkakan Anwar akan tumbang lebih awal iaitu pada Ogos lalu.

Setakat ini, tiada tanda Anwar dan Kerajaan Perpaduan akan tumbang. Sokongan diperolehnya ketika ini kukuh, walaupun bekas Presiden Parti Iktan Demokratik Malaysia (MUDA), Syed Saddiq Syed Abd Rahman menarik sokongan pada September lalu, menghilangkan nisbah majoriti dua pertiga di Parlimen.

Namun, senario terkini yang berlaku, empat wakil rakyat pembangkang dari PN khasnya BER-SATU menyatakan sokongan terhadap Anwar, mengukuhkan lagi kedudukannya sebagai Ketua Eksekutif Negara.

Penganalisis politik sering menggunakan angka '3, 6, 9 dan 12 bulan' sebagai asas mengukur kejayaan pentadbiran dan pemerintahan seseorang pemimpin baharu khususnya seorang Presiden dan Perdana Menteri. Apakah kekuatan Anwar.

Anwar dikatakan memiliki kekuatan gaya kepemimpinan transformatif. Empat ciri utama kepemimpinan transformatif ialah memupuk pengaruh ideal, menyediakan motivasi inspirasi, membina rangsangan intelektual dan menunjukkan pertimbangan individu.

Kepemimpinan transformatif dipamerkannya ketika memimpin Angkatan Belia Islam Malaysia

(ABIM), Pemuda UMNO, Timbalan Presiden UMNO, memimpin reformasi, sebagai Presiden PKR sehinggalah sebagai Perdana Menteri.

Senarai terbaharu dikeluarkan *The Muslim 500: The World's Most Influential Muslim 2024* menamakan Anwar sebagai antara 50 tokoh berpengaruh dalam dunia Islam. Dengan wajah demokrat Muslim, Anwar berjaya meletakkan dirinya dan memaparkan citra Islam sederhana dan sejagat.

Justeru, dengan kekuatan kepemimpinan transformatif inilah beliau mampu melakukan banyak perubahan struktural berkaitan ekonomi, politik dan sosial negara dalam tempoh 12 bulan. Walaupun semua inisiatif terbabit belum benar-benar matang dan mencapai hasilnya, namun tekad politiknya ter-serlah dalam mengemudi negara setakat ini.

Antara keutamaan Anwar dalam tempoh 12 bulan ini adalah memberi penekanan terhadap kemakmuran dan kesejahteraan hidup rakyat di semua peringkat.

Banyak isu berkaitan kesejahteraan hidup rakyat telah dan sedang ditambah baik daripada Sekecil-kecilnya seperti tandas sekolah, sifar miskin tegar, pemerkasaaan sekolah tahfiz, kedaulatan negara dan kedaulatan Palestin diperjuangkan.

Mekanisme terbaik sedang diusahakan dalam pemberian subsidi bersasar kepada rakyat. Dengan mekanisme dan sistem penyampaian berkesan, sekurang-kurangnya RM8 bilion dapat dijimatkan dan disalurkan untuk pembangunan negara.

Sungguhpun begitu, dalam tempoh 12 bulan ini ada beberapa sisi kelemahan agak ketara dan perlu dibuat penajajaran segera oleh Anwar khususnya kepada barisan menteri Kabinetnya. Sebelum ini, ada ura-ura akan berlaku rombakan menteri Kabinet. Namun desas-desus itu mati begitu sahaja.

Kelemahan paling ketara adalah kerjasama dan keberkesanan menteri Kabinet menjalankan tanggungjawab. Sungguhpun, jumlah menteri dan timbalan menteri berkurang sekali ganda berbanding sebelum ini, namun kebanyakan menteri utama masih bekerja secara 'silo'

Justeru, semua menteri Kabinet mesti dilihat bekerja dalam satu pasukan kuat, organik dan dinamik. Kegagalan sistem penyampaian diketuai menteri Kerajaan Perpaduan ini akan memberi kesan langsung dan menjadi 'beg tinju' kepada pembangkang pada Pilihan Raya Umum Ke-16 (PRU16) kelak.

Setelah 12 bulan berlalu, Kerajaan Perpaduan melaksanakan pelbagai program dan inisiatif berkaitan ekonomi domestik dan global, mengatasi masalah kenaikan harga barang dan kos sara hidup tinggi, reformasi pentadbiran dan tata kelola, melawan rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa serta memainkan peranan aktif dalam hu-

bungan diplomatik global.

Bagaimanapun, pembangkang tetap mendakwa Kerajaan Perpaduan seolah-olah tidak berbuat apa-apa. Mereka juga menuduh Perdana Menteri lebih banyak menghabiskan masa ke luar negara dan tidak memberi perhatian terhadap masalah utama dihadapi rakyat.

Sungguhpun baru mencecah 12 bulan memimpin negara, karakter dan gaya kepemimpinan transformatif Anwar sedikit sebanyak memberi ancaman kepada dirinya, gabungan parti politik dan negara amnya.

Ketegasan Anwar memperjuangkan dan mempertahankan kedaulatan serta pembebasan Palestin boleh memberi impak negatif dalam konteks hubungan diplomatik global dan serantau.

Ucapan lantang dan ketegasan ditunjukkan di beberapa persidangan global seperti Kerjasama Islam Dunia (OIC), Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA), ASEAN dan mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) tidak disenangi banyak pihak terutama pe-lobi Yahudi.

Selain itu, kebijaksanaan Anwar dalam menyusun percaturan dan sokongan terhadap negara kuasa besar seperti Amerika Syarikat (AS) dan China dalam tempoh 12 bulan ini menampakkan kematangannya.

Dalam konteks domestik pula, reformasi pentadbiran cuba diperkenalkan Anwar menghadapi cabaran dalaman tidak kurang hebatnya dalam tempoh 12 bulan ini.

Ancaman terbesar kepada Anwar ketika ini adalah daripada pembangkang. Sejak 12 bulan lalu, pembangkang masih tidak mahu berkompromi khususnya berkaitan peruntukan wakil rakyat. Pembangkang terus mendesak di dalam dan di luar Parlimen.

Pelbagai cara pembangkang dilakukan bagi menggoyahkan kedudukan Anwar dan Kerajaan Perpaduan. Perbahasan di Dewan Rakyat pula masih berbaur unsur 'kebencian' dan 'maki hamun'. Sungguhpun dalam banyak situasi, Anwar banyak bersabar dan bertoleransi dengan pembangkang.

Anwar perlu diberi kepercayaan dan masa untuk membuktikan idealisme dan wawasan murninya. Ramai meyakini kepemimpinan transformatif dimilikinya mampu mengubah wajah Malaysia lebih ceria, sejahtera dan makmur.

Dengan kepercayaan rakyat, komitmen kerjasama pembangkang secara pragmatik serta kepemimpinan transformatif Anwar, Malaysia mampu dipacu menjadi sebuah negara madani maju dan disegani.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH

Penyelidik di Kumpulan Penyelidikan Kenegaraan & Kesejahteraan Sosial, Universiti Teknologi Malaysia